

UCAPAN YANG DIPERTUA, SR TAN CHENG CHUI
Majlis Penerimaan Jawatan yang Dipertua
Majlis Perbandaran Pulau Pinang

Saudari Pengacara Majlis,

Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang,

Yang Berhormat, Tuan Chow Kon Yeow, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalu Lintas,

Yang Berhormat, Dato' Haji Zainal Rahim Bin Seman, Setiausaha Kerajaan,

Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan,

Yang Berhormat Ahli Mesyuarat MMK Kerajaan Tempatan,

Yang Berhormat-Yang Berhormat

Yang Berusaha Ahlimajlis-ahlimajlis, Majlis Perbandaran Pulau Pinang,

Yang Berbahagia Dato'-Dato'

Ketua-ketua Jabatan,

Para media massa,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin merakam jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama dengan kita di Upacara Pengakuan menerima Jawatan Yang Dipertua pada pagi yang mulia ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucap terima kasih kepada Kerajaan Negeri, terutama sekali Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng kerana mempunyai keyakinan dan kepercayaan pada saya untuk melantik saya sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucap setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Haji Zainal Rahim bin Seman yang dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Bagi pihak semua warga

MPPP, kami merakamkan jutaan terima kasih kepada YB Dato' atas pimpinan Dato' yang dinamik dan berwawasan semasa menyandang jawatan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Seperti kita sedia maklum, Pihak Berkuasa Tempatan merupakan barisan hadapan kepada pentadbiran kerajaan. Ini bermakna, orang awam pada pelbagai peringkat akan beranggapan berurusan dengan PBT, seolah-olah mereka sedang berurusan dengan kerajaan negeri. Baik atau buruknya perkhidmatan yang diberikan akan mencerminkan prestasi semasa kerajaan, terutama sekali kerajaan negeri.

Pada lazimnya, rakyat akan tersenyum puas apabila perkhidmatan dapat diberi dengan pantas, cekap dan tepat dan sebaliknya akan berasa hampa apabila perkhidmatan diberi secara lambat, tidak cekap dan tidak telus.

Cuba bayangkan sesuatu urusan yang sepatutnya dapat diselesaikan dalam 10 minit perlu diselesai dalam tempoh sejam dan lebih teruk lagi sehingga 24 jam. Rakyat akan berasa kecewa dan imej kerajaan akan mula terjejas.

Oleh yang demikian semua ahlimajlis dan jentera pentadbiran MPPP perlulah lebih berupaya memberi perkhidmatan yang cepat, cekap dan berintegriti dengan tumpuan kepada falsafah serta budaya CAT iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus.

Bagi menjamin pentadbiran baik (good governance) dan amalan terbaik (best practise), semua warga MPPP perlu fokus dan berkomited untuk mengamalkan prinsip kerja yang berlandaskan kepada rancang, laksana dan kuatkuasa.

Aspek rancang akan meliputi tindakan yang berikut:

- membuat penilaian terhadap keadaan persekitaran semasa,
- mengenalpasti kelemahan, kekurangan dan ketidakcekapan sistem atau amalan sediaada,
- mendapat pandangan dan cadangan yang boleh diguna pakai dalam mengatasi kelemahan dan ketidakcekapan sistem sediaada,
- merangka tindakan dan langkah yang akan digunapakai bagi menangani kelemahan sistem sediaada.

Dibawah aspek pelaksanaan, kita perlu pasti semua tindakan dan langkah yang sudah dirancang, dilaksanakan, mendapat pandangan dan maklumbalas "stakeholders", terutama orang awam dan pihak yang berkepentingan dan menilai semula tindakan serta langkah yang dinilai, disamping melakukan penambahbaikan. (i.e. continuous process of improving and value-add).

Aspek penguatkuasaan merupakan elemen yang penting dalam menentukan kejayaan dan keberkesanan sesuatu gerak kerja atau tindakan yang digariskan. Ini dapat dilakukan dengan menguatkuasakan sepenuhnya peraturan yang ditetapkan mengikut perkara yang telah dirancang dan memberikan ganjaran diatas pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan dan mengenakan hukuman di atas pelanggarannya. Untuk makluman para hadirin, Kementerian Kerajaan Tempatan telah mengumumkan Tahun 2009 sebagai Tahun Penguatkuasaan dan semua PBT adalah diminta untuk melaksanakan penguatkuasaan secara berhemah dan berkesan.

Walaupun kita sedar agar kemelesetan ekonomi akan mengakibatkan lebih ramai menganggor dan kemungkinan besar bilangan penjaja akan bertambah, kita tidak seharusnya kompromi dalam aspek keselamatan, kesihatan dan kebersihan.

Seringkali MPPP dikaitkan dengan perkhidmatan asas seperti sampah, longkang, rumput, jalan, lampu jalan, dan lampu isyarat. Namun sebenarnya terdapat lebih daripada 20 penyelenggaraan awam terletak di bawah bidang tugas MPPP dan ianya termasuk stesen dan perhentian bas, stesen dan perhentian teksi, jejantas, tempat letak kereta awam, medan makan, pasar awam, pasar malam, tandas awam, taman rekreasi/ tanah lapang awam, balai rakyat, kompleks sukan awam/stadium, papan tanda jalan, papan iklan awam, landskap dan pokok di tepi jalan.

Dalam menyediakan kemudahan asas ini, kebanyakan aduan yang diterima adalah mengenai tahap penyelenggaraan dan untuk menangani isu ini, pihak MPPP akan beri tumpuan kepada perkara berikut:-

- memastikan jadual penyelenggaraan diberitahu secara rasmi kepada orang ramai menerusi surat dan pemasangan papan kenyataan di tempat strategik seperti jadual kutipan sampah;
- Penyelenggaraan turut dilakukan termasuk pada cuti awam, jika perlu;
- Memastikan kontraktor yang dipertanggungjawabkan melaksanakan tugas penyelenggaraan dan pembersihan secara tetap dan mengikut jadual;
- Membentuk unit khas untuk mengendalikan serta-merta kerja awalan pembaikan dan pemuliharaan apabila aduan diterima;
- Kontraktor yang tidak menjalankan tugas mengikut kontrak akan ditamatkan.

Bagi menambah nilai kepada perkhidmatan perbandaran, pihak MPPP juga akan memberi tumpuan untuk meningkatkan gunapakai teknologi ICT terkini bagi memudahkan urusan pelanggan. (seperti e-bayaran, e-lesen, e-submission, e-aduan)

Dengan perhubungan yang erat, kerjasama penuh dan sokongan berterusan daripada Kerajaan Negeri, agensi-agensi kerajaan, ahlimajlis-ahlimajlis dan pasukan jentera pentadbiran, saya percaya dan beryakin MPPP dapat memberi satu perkhidmatan yang cemerlang kepada penduduk tempatan, pelancong dan pelabur dan seterusnya mencapai visi MPPP untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai satu bandaraya global yang sejahtera.

Sekian, terima kasih.

Diadakan pada 8hb Jun 2009

Di Dewan Bandaraya, Jalan Padang Kota Lama.